



KEBERKESANAN PENERAPAN ELEMEN 4K1N KEPADA GPI DI SEKOLAH TS25 DAERAH KUANTAN

[EFFECTIVENESS OF APPLICATION OF 4K1N ELEMENTS TO GPI IN SCHOOL TS25 KUANTAN DISTRICT]

MOHD RASSIDI SAINI¹ & MOHD ISA HAMZAH^{1*}

1* Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Correspondent Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 1 April 2023

Accepted: 7 May 2023

Published: 17 June 2023

Abstrak: Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia yang memfokuskan aspek kemenjadian murid dan sekolah yang berkualiti tinggi selaras dengan keperluan semasa pendidikan di Malaysia. Melalui TS25, guru-guru hendaklah mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan elemen 4K1N kepada Guru Pendidikan Islam di Daerah Kuantan, Pahang dalam memperkasakan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Pengkaji menjadikan Daerah Kuantan sebagai Negeri kajian adalah kerana terdapat wujudnya transformasi bandar dan luar bandar dalam kalangan guru-guru dan murid-murid. Selain itu, faktor geografi juga turut diambil kira yang mana jarak antara sekolah bandar dan luar bandar adalah kurang daripada 20 KM berbanding di kawasan lain. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif deskriptif yang disokong dengan soalan terbuka bagi mendapatkan respons penambahbaikan yang patut dilakukan oleh para Guru Pendidikan Islam di sekolah TS25 dalam melaksanakan elemen 4K1N yang menjadi tunjang dalam Pembelajaran Bermakna mendasari Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21). Seramai 110 orang guru Pendidikan Islam dari sekolah bandar dan luar bandar telah dipilih sebagai responden bagi melengkapkan kajian tersebut. Kutipan data bagi kajian kuantitatif ini adalah melalui soal selidik dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan program *Statistical Package For The Social Science* (SPSS). Dapatan kajian mendapati keberkesanan elemen 4K1N dalam penerapan elemen 4k1N kepada Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Transformasi Sekolah 2025 Daerah Kuantan berada pada tahap tinggi. Analisis kajian menunjukkan dua pemboleh ubah berada pada tahap tinggi iaitu Penerapan, Min: 4.090, S.P: 0.594 dan Keberkesanan dengan Min: 4.162, S.P: 0.586. Manakala pemboleh ubah yang berada pada tahap sederhana rendah iaitu Cabaran Guru dan murid Min: 2.581, SP: 0.911.

Kata kunci: Keberkesanan, 4K1N, Komunikasi, Kolaboratif, Kreatif, Kritis, Nilai, Pendidikan Islam, TS25.

Abstract: The School Transformation Programme 2025 (TS25) is an effort by the Ministry of Education Malaysia to focus on the quality of students and schools in line with the current needs of education in Malaysia. Through TS25, teachers should apply best practices in the implementation of management and leadership as well as pedagogy in learning and facilitation (PdPC) in line with the goals contained in the Malaysian Education Development Plan 2013-2025. This study is to look at the effectiveness of

the 4K1N element to Islamic Education Teachers in Kuantan District, Pahang in empowering the School Transformation Programme 2025 (TS25). The researchers made Kuantan District as a study state because there is an urban and rural transformation among teachers and students. In addition, geographical factors are also taken into account where the distance between urban and rural schools is less than 20 KM compared to other areas. The methodology used is a descriptive quantitative approach supported by open-ended questions to obtain the improvement responses that Islamic Education Teachers should make in TS25 schools in implementing the 4KIN element that is the mainstay of the 21st Century Learning (PAK21). A total of 110 Islamic Education teachers from urban and rural schools were selected as respondents to complete the study. The data collection for this quantitative study is through questionnaires and data obtained are analyzed using the Statistical Package For The Social Science (SPSS) program. The findings of the study found that the effectiveness of the 4K1N element in the application of the 4k1N element to Islamic Education Teachers in Sekolah Rendah Transformation 2025 Kuantan District was at a high level. The analysis showed that two variables were at high levels, namely Adoption, Min: 4.090, S.P: 0.594 and Effectiveness with Min: 4.162, S.P: 0.586 . While the variables that are at the medium low level are the Teacher Challenge and the mean pupils: 2.581 , SP: 0.911.

Keywords: Effectiveness, 4K1N, Communication, Collaborative, Creative, Critical, Value, Islamic Education, TS25.

Cite This Article:

Mohd Rassidi Saini1 & Mohd Isa Hamzah. 2023. Keberkesanan Penerapan Elemen 4K1N kepada GPI di Sekolah TS25 Daerah Kuantan [Effectiveness of Application of 4K1N Elements to GPI In School TS25 Kuantan District]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(2), 24-41.

PENGENALAN

Program Transformasi Sekolah 2025 TS25 bukanlah merupakan program baharu yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 2/2015 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Januari 2015, telah meluluskan pelaksanaan Program Sekolah Transformasi (PST) KPM. Manakala Mesyuarat Profesional KPM Bil.14/2017 bertarikh 27 April 2017 telah meluluskan penjenamaan semula PST kepada Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Program TS25 dilaksanakan secara berperingkat di sekolah-sekolah yang terpilih. TS25 merupakan transformasi sekolah yang bertujuan bagi mengaplikasi konsep dan amalan PdP terbaik, bermula pada Jun 2015 dengan kohort 1 sebanyak 99 buah sekolah. Seterusnya pada tahun 2017 sebanyak 100 buah sekolah dipilih untuk kohort 2 dan pada tahun 2018 sebanyak 401 buah sekolah dipilih untuk kohort 3, menjadikan jumlah keseluruhan yang terlibat adalah sebanyak 600 buah sekolah. Pada tahun 2019 pula sebanyak 500 buah sekolah telah dilibatkan dalam program ini. (KPM, 2015).

TS25 merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Selain itu juga ia bertujuan mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Program TS25 adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui: (i) persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, (ii) disokong kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan, (iii) guru yang

kompeten dan beraspirasi tinggi dan (iv) komitmen komuniti yang padu. (KPM 2015). Antara objektif TS25 ialah mengaplikasi konsep dan amalan PdP terbaik, membangunkan kepakaran dalaman melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada pembimbing pedagogi serta pembimbing kepimpinan dan membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengutamakan kemenjadian murid. (KPM, 2015).

Objektif utama Program TS25 adalah untuk mengaplikasi konsep dan amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran (PdP), kedua membangunkan kepakaran dalaman KPM melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada pembimbing kepimpinan dan pedagogi dalam kalangan pensyarah Institut Aminuddin Baki (IAB), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), pegawai Jabatan Pendidikan Negara (JPN), pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pengetua dan Guru Besar (PGB) serta Guru Penolong Harlan (GPK), School Improvement Partners Plus (SIPartners+) dan School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+); dan yang ketiga membangunkan persekitaran pembelajaran yang lebih bermakna dengan menyediakan suasana bilik darjah dan sekolah yang kondusif dan fleksibel, teknik PdP yang kreatif dan berkesan, pengurusan sekolah yang cekap dengan mengutamakan kemenjadian murid.

Konsep Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Disamping itu juga, ia menggalakkan penglibatan pembelajaran murid yang aktif lagi bermakna, disokong kepimpinan yang berkualiti serta berwawasan. Selain itu, dapat menjadikan guru yang kompeten, beraspirasi tinggi di samping komitmen daripada komuniti yang padu.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus objektif-objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengkaji *Keberkesanan* penerapan elemen 4K1N dalam pengajaran dan pembelajaran oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 Daerah Kuantan.
2. Mengkaji *Cabaran* penerapan elemen 4K1N dalam pengajaran dan pembelajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 Daerah Kuantan.
3. Mengkaji *Perbezaan sikap, jantina dan pengalaman mengajar* dalam menerapkan elemen 4K1N kepada guru pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 Daerah Kuantan.

PENYATAAN MASALAH

TS25 merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Selain itu, juga ia bertujuan mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2015c).

Program TS25 adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui: (i) persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, (ii) disokong kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan, (iii) guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi dan (iv) komitmen komuniti yang

padu. (KPM 2015). Melalui program tersebut, Guru Pendidikan Islam umumnya perlu mengetahui dan menghayati modul-modul yang terdapat di dalam program TS25 ini, supaya ia dapat dilaksanakan semaksimum yang mungkin. Sebagai guru yang memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Negara (FPN), Guru Pendidikan Islam juga perlu mempunyai asas pendidikan dan pengetahuan yang supaya dengan melaksanakan pedagogi abad ke-21 dengan berkualiti.

Terdapat pelbagai kajian telah dibuat berdasarkan keberkesanan Program Transformasi Sekolah (TS25) ini, namun kajian yang dilaksanakan adalah kurang. Melalui kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada Modul 3 di dalam Program TS25 iaitu memberi penekanan kepada elemen-elemen penting berkaitan dengan pedagogi guru yang membantu perkembangan dan kemenjadian murid. Modul ini memfokuskan kepada amalan dan pendekatan pedagogi abad ke-21, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi, menggunakan pelbagai gaya pembelajaran, mengaplikasikan penaksiran berterusan dan menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) ke arah pembelajaran berkesan. Modul ini juga boleh merangsang transformasi sekolah melalui peningkatan profesionalisme guru dan pembelajaran murid. Namun, pengkaji lebih menumpukan kajian dengan melihat kepada keberkesanan elemen 4K1N dalam aspek pembelajaran bermakna berdasarkan pedagogi abad ke-21 yang dilaksanakan oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah TS25.

KAJIAN LAMPAU

Pakar-pakar penyelidik berpendapat bahawa perkataan budaya itu berasal daripada perkataan Sanskrit, iaitu percantuman dua perkataan '*budhi*' dan '*daya*'. Perkataan '*budhi*' yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit bererti 'kecergasan fikiran dan akal' manakala '*daya*' ialah perkataan Melayu Polynesia bermakna 'kekuatan, kuasa, tenaga dan pengaruh'. Jika dicantumkan kedua-dua perkataan ini, 'budaya' membawa maksud 'tenaga fikiran, usaha rohani atau kuasa yang menggerakkan jiwa' (Nik Safiah, 1963). Berdasarkan pengertian tersebut, Budaya sekolah pula merupakan satu ikutan yang diamalkan oleh semua dan telah menjadi sebagai salah satu cara hidup yang dipraktikkan di sekolah. Budaya di sekolah merupakan asas kepada keberkesanan elemen 4K1N di sekolah. Melalui kefahaman yang jelas serta mudah diakses segala maklumat yang diperlukan dapat mewujudkan persekitaran yang positif dan bermakna kepada guru-guru dan murid dan menjadi budaya yang dilaksanakan tanpa sebarang masalah.

Konsep organisasi pembelajaran kerap menjadi perbualan disebabkan oleh ketidakefahaman sesetengah pihak dalam mengaplikasikan budaya pembelajaran di sekolah. Kajian di sekolah yang mengadaptasi falsafah organisasi pembelajaran mendapati bahawa peranan utama pemimpin sekolah adalah untuk memberi kefahaman kepada guru untuk menerima falsafah pembelajaran dalam organisasi. Ia menunjukkan usaha pemimpin tersebut ke arah memperkenalkan konsep organisasi pembelajaran. Ciri-ciri sekolah berkesan di Malaysia adalah sekolah sebagai organisasi pembelajaran. Namun, kepimpinan pendidikan turut memainkan peranan sebagai peneraju utama sesebuah organisasi pendidikan. Terdapat pelbagai kebaikan dan kepentingan yang diperolehi dengan kewujudan organisasi pembelajaran, antaranya adalah seperti peningkatan kualiti pengeluaran, memperbaiki perkhidmatan kepada pelanggan, meningkatkan komitmen kakitangan, meningkatkan kepuasan

kerja, meningkatkan kecekapan, meningkatkan sistem penyampaian serta mempertingkatkan keberkesanan pengurusan perubahan.

Dewees (1999) berpendapat cabaran bagi pendidik ialah untuk mengubahsuai dan mereka bentuk infrastruktur bangunan yang sesuai untuk persekitaran pembelajaran yang baru dengan menggunakan kaedah yang baru dan juga dengan menggunakan teknologi terkini dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, pembangunan prasarana yang lengkap adalah sangat penting dalam membentuk dan menaik taraf pendidikan di negara ini. Persekitaran pembelajaran adalah merujuk kepada ruang yang diperuntukkan untuk pembelajaran sama ada bilik darjah, makmal sains, kawasan lapang ataupun pejabat (Tessmer dan Harris, 1992). Ia merupakan tempat di mana pembelajaran itu berlaku sama ada dalam konteks sosial, psikologi mahupun pedagogi yang seterusnya mempengaruhi pencapaian dan sikap pelajar (Fraser, 1998). Ianya juga merangkumi keadaan yang berkaitan reka bentuk, susun atur atau susunan dan keadaan sekeliling sesuatu infrastruktur. Olson dan Kellum (2003) menjelaskan bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai kualiti infrastruktur yang baik akan meningkatkan pencapaian pelajar. Maka adalah wajar dan penting untuk menilai tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran di sekolah (Ruzita Selamat et al., 2004). Prasarana yang lengkap dan kondusif merupakan salah satu faktor yang menjadikan Elemen 4K1N dapat dilaksanakan oleh guru-guru amnya dan guru-guru Pendidikan Islam khasnya serta memberi impak yang positif ke arah Program Transformasi Sekolah (TS25) .

Siti Fatimah (2005) pula telah menjelaskan konsep kesejahteraan hidup atau kualiti hidup ini bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi tetapi juga merangkumi aspek-aspek yang tidak berbentuk material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada. Asmah Ahmad (2005) juga turut merujuk kualiti hidup kepada kesejahteraan sosial, iaitu darjah atau sejauh mana keperluan dan kehendak sesuatu penduduk itu dipenuhi. Apabila mereka merasakan apa yang diinginkan telah dapat dipenuhi dan mencukupi maka sudah cukup untuk membuatkan hidup mereka sejahtera. Jadi tidak ada apa yang perlu dipertikaikan, dan memberi impak kepada anak-anak di bawah jagaan mereka .

Dalam bidang pendidikan, komitmen guru dianggap sebagai faktor yang paling kritikal dalam menjayakan pendidikan dan sekolah (Luxmi & Yadav, 2011). Organisasi yang mempunyai pekerja yang berkomitmen tinggi akan mempunyai kadar pertukaran kerja dan kadar ketidakhadiran yang rendah (Permarupan, Abdullah, & Roselina, 2013). Mowday, Steers, dan Porter (1979) pula berpendapat guru yang berkomitmen tinggi mempunyai penilaian positif terhadap sekolah dan sanggup memberi sumbangan agar matlamat sekolah tercapai. Mereka juga mempunyai keinginan untuk kekal dalam organisasi berkenaan (Darling-Hammond, 2003).

Menurut Dee, Henkin, dan Singleton (2006), komitmen guru terhadap organisasi adalah penting bagi peningkatan keberkesanan organisasi. Guru yang mempunyai komitmen yang tinggi dipercayai mempunyai hubungan psikologi yang kuat dengan sekolah, murid dan bidang pengajaran (Firestone & Pennell, 1993). Pernyataan di atas telah menunjukkan komitmen guru terhadap organisasi merupakan indikator kepada prestasi sekolah. Guru yang berkomitmen tinggi akan menunjukkan prestasi kerja yang lebih baik dan lebih bersemangat demi mencapai objektif pengajaran.

Daripada kajian yang dijalankan oleh Valli dan Buese (2007) mendapati bahawa tugas guru yang semakin bertambah, dipertingkatkan dan diperluas untuk mengimbangi polisi kerajaan bagi meningkatkan pencapaian murid, telah mewujudkan suatu persekitaran yang mendorong kepada faktor tekanan dalam kalangan guru. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Huisman (2009) yang menyatakan guru juga perlu melakukan tugasan perkeranian seperti mengambil kedatangan pelajar, merekodkan gred pemarkahan pelajar dan menghadiri mesyuarat selain tugas mengajar tidak boleh disampingkan.

Beban tugas yang terlampau banyak bukan sahaja memberi kesan terhadap guru dari aspek fizikal semata-mata, bahkan turut memberi impak terhadap nilai moral, kepuasan kerja dan kualiti hidup. Hal ini diakui oleh Bridges dan Searle (2011) berdasarkan kajian mereka terhadap hampir 400 responden terdiri dalam kalangan guru sekolah rendah dan guru besar. Bubb dan Earley (2004) pula melalui kajiannya menyatakan bahawa antara faktor tekanan dalam kalangan guru berpunca daripada beban tugas yang terlalu banyak. Guru yang mengalami tekanan kebiasaannya akan menghadapi kekangan dalam menghasilkan kualiti kerja terbaik, dedikasi, motivasi, kreativiti, komitmen terhadap tugas, keterampilan dan moral (Sharifah, Suhaida & Soaib, 2014). Kesemua kekangan ini bakal memberi kesan negatif terhadap fungsi sekolah dan kemenjadian murid (Azman, 2006). Situasi ini secara tidak langsung merencatkan matlamat Dasar Pendidikan Negara untuk melahirkan modal insan berkualiti dan berketerampilan.

Menurut Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal dalam Utusan Online bertarikh 27 Julai 2018 menyatakan bahawa guru merupakan golongan yang paling ramai dikesan mengalami tekanan yang berpunca dari bebanan tugas (Suhaili & Faekah, 2020). Kajian oleh NUTP pada tahun 2014 pula mendapati 70 peratus daripada 9,000 guru di seluruh negara sangat tertekan ekoran cabaran kerjaya yang diceburi termasuklah cabaran bebanan tugas sebagai pendidik. Sementara itu, laporan Kosmo pada tahun 2009 pula menyatakan para guru terdedah kepada penyakit mental yang serius seperti bipolar, kebimbangan melampau dan kemurungan.

KERANGKA TEORI



Rajah 1: Pindaan Kerangka Teori Keberkesanan Penerapan Elemen 4K1N Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah TS25 Daerah Kuantan (Bolman & Deal, 1991, Allen Meyer, 1997)

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini dinyatakan dalam bentuk hipotesis nul mengikut persoalan kajian. Hipotesis nul digunakan bagi mengenal pasti pengaruh pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan.

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan Penerapan Elemen 4K1N dilaksanakan dalam pembelajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 Daerah Kuantan berdasarkan jantina.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan Penerapan Elemen 4K1N dilaksanakan dalam pembelajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 Daerah Kuantan berdasarkan pengalaman mengajar.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan mengenai keberkesanan penerapan elemen 4K1N kepada Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah TS25 di Daerah Kuantan, Pahang. Kajian ini dibuat untuk mengkaji sejauh mana amalan penerapan elemen 4K1N diterapkan oleh Guru Pendidikan Islam berdasarkan modul 3, TS25 bagi membantu kemenjadian murid dalam mencapai objektif Transformasi Sekolah menjelang tahun 2025. Selain itu, kajian ini juga hanya melibatkan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah TS25 Daerah Kuantan, Pahang yang berkhidmat sekurang-kurangnya 2 tahun dalam dunia pendidikan dan masih berkhidmat di sekolah tersebut. Kumpulan responden terdiri daripada 110 orang responden daripada 10 buah sekolah bandar dan luar bandar TS25 di Daerah Kuantan, Pahang.

Selain itu juga, pengkaji telah menetapkan tiga aspek utama sebagai batasan kajian iaitu peserta kajian, skop kajian dan tempat kajian. Peserta kajian dipilih dalam kalangan Guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah TS25 di Kuantan sahaja kerana memudahkan pengkaji mengakses segala maklumat yang berkaitan. Dalam pada itu juga, faktor lain yang diambil kira oleh pengkaji ialah sekolah TS25 di Kuantan mempunyai jumlah yang mencukupi untuk dijadikan sampel kajian bagi melihat adakah terdapat jurang yang besar sekolah TS25 di Bandar dan Luar Bandar. Pengkaji menjadikan Daerah Kuantan sebagai negeri kajian adalah kerana terdapat wujudnya transformasi bandar dan luar bandar dalam kalangan guru-guru dan murid-murid. Selain itu, faktor geografi juga turut diambil kira yang mana jarak antara sekolah bandar dan luar bandar adalah kurang daripada 20 KM berbanding kawasan lain .

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif dan 'exploratory' untuk mengukur tahap keberkesanan penerapan Elemen 4K1N kepada Guru Pendidikan Islam di Sekolah TS25 yang terpilih di Daerah Kuantan. Oleh yang demikian, metodologi kajian yang digunakan adalah amat penting dalam mendapatkan keputusan yang tepat dan dapat menjawab objektif dan persoalan kajian.

Populasi dan Pensampelan Kajian

Pengumpulan maklumat bagi kajian ini diperoleh daripada guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah TS25 sekolah rendah di Daerah Kuantan. Jumlah sekolah yang dilibatkan adalah 10 buah sekolah , 5 buah sekolah kategori luar bandar dan 5 buah sekolah kategori bandar yang terdiri daripada 110 orang responden yang terdiri daripada 39 orang guru lelaki dan 71 orang guru perempuan sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel dibuat secara rawak berdasarkan senarai sekolah-sekolah rendah yang dicadangkan oleh PPD Kuantan.

Jadual 1: Sampel Kajian

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Lelaki	39	35.5	35.5	35.5
	Perempuan	71	64.5	64.5	100.0
	Total	110	100.0	100.0	

Kajian ini telah melibatkan seramai 110 orang guru Pendidikan Islam dengan 39 orang guru lelaki iaitu 35.5% dan 71 orang guru perempuan dengan 64.5%. Kesimpulannya, dalam kajian ini sampel kajian yang melibatkan guru perempuan lebih dominan berbanding guru lelaki dengan perbezaan 29 %. Faktor yang menyebabkan jumlah responden lelaki lebih sedikit adalah kerana rata-rata di setiap sekolah di Kuantan khususnya, guru lelaki pendidikan Islam adalah kurang daripada jumlah guru pendidikan Islam wanita.

Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, Soal selidik digunakan adalah kerana ianya mudah, murah, dan cepat bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Bentuk soalan yang digunakan adalah soalan tertutup iaitu soalan yang dilengkapi dengan jawapan yang boleh dipilih oleh responden kajian. Kajian ini telah menggunakan Skala Likert lima aras. Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS) , Tidak Pasti (TP) , Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

Soal selidik kajian ini mempunyai 25 item dengan 5 item pada *bahagian A*: demografi, 5 item pada *bahagian B*: Penerapan Elemen 4K1N, 5 item pada *bahagian C*: Keberkesanan Penerapan Elemen 4K1N , 10 item *bahagian D*: Cabaran Penerapan Elemen 4K1N dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah TS25 Daerah Kuantan.

Pengumpulan Data

Sekolah-sekolah yang dikenal pasti telah bersetuju untuk menjadi sampel kajian dengan mengedarkan borang soal selidik melalui 'Google form' yang telah diedarkan secara rawak. Seramai 110 orang guru pendidikan Islam daripada 10 buah sekolah yang terpilih telah menjawab soal selidik tersebut. Data dianalisis berdasarkan objektif kajian yang difokuskan melalui persoalan kajian. Untuk membuat penganalisan, ujian statistik yang digunakan adalah seperti berikut :

a. *Statistik Deskriptif*

Untuk mengenal pasti persepsi responden berhubung elemen 4K1N dalam keperluan kompetensi yang dimiliki oleh guru Pendidikan Islam di sekolah TS25. Analisis kekerapan dan peratusan serta min digunakan dan huraian berbentuk deskriptif .

Analisis Data

Pengkaji menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 26.0 untuk menganalisis data secara statistik deskriptif berbentuk min dan sisihan piawai manakala bagi data demografi pula pengkaji menggunakan kekerapan dan peratusan berdasarkan kutipan data yang diperoleh daripada responden dan statistik inferensi min bagi menguji hipotesis. Pengkaji juga telah menggunakan tahap penilaian analisis secara tiga kategori berdasarkan interpretasi skor min dapatan kajian sebagaimana yang dicadangkan oleh Nunally (1978) merujuk kepada jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Tahap Penilaian Skor Min Analisis Kajian

Skor min	Penilaian
1.01 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 - 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally (1978)

Keesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Selain itu, Kajian rintis juga dilaksanakan terhadap 30 guru Pendidikan Islam di daerah yang sama dan nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha yang diperoleh ialah 0.82. Kebolehpercayaan item juga boleh ditentukan samada boleh dikekalkan atau dibuang setelah dianalisis dengan menggunakan Alpha Cronbach (Chua, 2021). Oleh itu, pengkaji memilih kaedah ini sebagai alat pengukuran kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Jadual 2 merupakan Jadual Nilai Kebolehpercayaan Lim, (2007), Mohd Faizal & Leow (2017) yang menjadi panduan dalam memahami kebolehterimaan instrumen kajian dari segi kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan.

Jadual 3: Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan

Pekali kebolehpercayaan	Tahap kebolehpercayaan
0.90 ke atas	Sangat baik
0.80 – 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana

0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

Sumber: Lim, 2007; Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow, 2017.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Berdasarkan jadual 4, seramai seramai 110 orang responden yang terdiri daripada guru Pendidikan Islam Daerah Kuantan di sekolah TS25 terlibat dalam kajian ini. Dapatan menunjukkan responden terdiri daripada 39 orang (35.5%) guru lelaki dan 71 orang (64.5%) guru perempuan. Berdasarkan jumlah ini, majoriti responden terdiri daripada guru yang berusia sekitar 36-45 tahun iaitu 49 orang (44.5%). Responden kedua tertinggi adalah guru yang berusia lingkungan 46-55 iaitu 27 orang (24.5%). Manakala peratusan umur terendah pula adalah berumur lingkungan >56 tahun iaitu 10 orang dengan peratusan (9.1%) . Jika dilihat daripada pengalaman mengajar pula, seramai 79 orang (71.8%) mempunyai pengalaman mengajar yang tertinggi iaitu lebih daripada 10 tahun mengajar dalam bidang perguruan. Selain itu terdapat 21 orang (19.1%) mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun dan bilangan responden yang paling sedikit seramai 10 orang (9.1%) yang mengajar selama 1-5 tahun sahaja. Berdasarkan kategori sekolah, 61 orang (55.5%) responden merupakan guru yang bertugas di sekolah berstatus bandar, manakala 49 orang (44.5%) guru yang bertugas di sekolah berstatus luar bandar. Jika dilihat daripada pencapaian akademik tertinggi , majoriti responden sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda iaitu 99 orang (90%), 10 orang (9.1%) memiliki Ijazah Sarjana dan hanya seorang (0.9%) memiliki Diploma Perguruan.

Jadual 4 : Demografi

Kekerapan n=110

Bil	Demografi	Kategori Responden	Frekuensi	Peratusan
A1	Jantina	Lelaki	39	35.5 %
		Perempuan	71	64.5 %
A2	Umur	25-35 tahun	24	21.8 %
		36-45 tahun	49	44.5 %
		46-55 tahun	27	24.5 %
		>56 tahun	10	9.1 %
A3	Pengalaman Mengajar	1-5 tahun	10	9.1 %
		6-10 tahun	21	19.1 %
		>10 tahun	79	71.8 %
A4	Lokasi	Bandar	61	55.5 %
		Luar Bandar	49	44.5 %

A5	Pencapaian Tertinggi	Akademik	Sijil Perguruan	0	-
			Diploma Perguruan	1	0.9%
			Ijazah Sarjana Muda	99	90.0%
			Ijazah Sarjana	10	9.1%
			PHD	0	-

Analisis deskriptif seterusnya akan menjelaskan analisis data berdasarkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian akan menjelaskan (i) *Penerapan* elemen 4K1N dalam pengajaran dan pembelajaran (ii) *Keberkesanan* penerapan elemen 4K1N dalam pengajaran dan pembelajaran dan (iii) *Cabaran* penerapan elemen 4K1N dalam pengajaran dan pembelajaran kepada Guru Pendidikan Islam di sekolah TS25.

Penerapan Elemen 4K1N

Jadual 5 menunjukkan analisis bagi Item Penerapan Elemen 4K1N dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di sekolah TS25 Daerah Kuantan. Item B1 “*Mengetahui elemen 4K1N dalam PdPC* merupakan skor min tertinggi, 4.22, pada tahap tinggi. Item B2, B3 dan B4 “*Memberikan penerangan terlebih dahulu , melaksanakan elemen 4K1N dan memberi contoh kepada murid dalam elemen 4K1N dalam PdPC* pula menunjukkan interpretasi min yang hampir sama iaitu 4.06 , 4.10 dan 4.08 berada pada tahap tinggi juga. Manakala Item B5 “*Membuat refleksi sendiri setiap kali selesai melaksanakan elemen 4K1N dalam PdPC* menunjukkan interpretasi min yang paling rendah 3.99 berada pada tahap sederhana tinggi. Namun jika dilihat kesemua item tersebut. Ia masih berada pada tahap tinggi di mana majoriti responden mengetahui dan menerapkan elemen 4K1N dalam PdPC mereka.

Jadual 5: Taburan min, sisihan piawai dan interpretasi min Penerapan Elemen 4K1N

Bil	Item	Kekerapan					Min	SP	Tahap
		STS	TS	TP	S	SS			
B1	Mengetahui Elemen 4K1N dalam PdPC	0	1 (0.91)	6 (5.45)	71 (49.09)	32 (29.1)	4.22	0.581	Tinggi
B2	Memberikan penerangan terlebih dahulu berkaitan 4K1N kepada murid setiap sesi PdPC	0	1 (0.91)	14 (12.73)	72 (65.45)	23 (20.91)	4.06	0.610	Tinggi
B3	Melaksanakan Elemen 4K1N dalam setiap sesi PdPC	0	1 (0.91)	10 (9.09)	76 (69.09)	23 (20.91)	4.10	0.574	Tinggi

B4	Memberikan contoh kepada murid dalam Elemen 4K1N dalam PdPC .	0	1 (0.91)	11 (10)	76 (69.09)	22 (20)	4.08	0.577	Tinggi
B5	Membuat refleksi sendiri setiap kali selesai melaksanakan Elemen 4K1N dalam PdPC.	0	1 (0.91)	19 (17.27)	70 (63.64)	20 (18.18)	3.99	0.628	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							4.090	0.594	

Keseluruhan: 4.090 STS: sangat tidak setuju, TS: tidak setuju, TP: tidak pasti, S: setuju, SS: sangat setuju

Keberkesanan Elemen 4K1N

Melalui Jadual 6 pula , menunjukkan analisis bagi Item Keberkesanan Elemen 4K1N dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di sekolah TS25 Daerah Kuantan. Item C5 “ *Mengamalkan nilai-nilai murni di dalam dan luar bilik darjah*” merupakan skor min tertinggi, 4.42 tahap tinggi. Item C1, “*Mengamalkan komunikasi dua hala dalam PdPC*” adalah skor min kedua tertinggi, 4.32. Manakala Item C2 “ *sentiasa berkolaboratif dengan baik*” menunjukkan interpretasi min yang tinggi iaitu 4.15. Item C3 dan C4 “*Berfikiran kreatif dan kritis dalam tugas dan menyampaikan idea memperlihatkan*” interpretasi min yang paling rendah 3.97 dan 3.95 namun tetap berada tahap sederhana tinggi. Namun jika dilihat kesemua item tersebut. Ia masih berada pada tahap tinggi di mana keberkesanan elemen 4K1N diterapkan dengan baik.

Jadual 6: Taburan min, sisihan piawai dan interpretasi min Keberkesanan penerapan Elemen 4K1N

Bil	Item	Kekerapan					Min	SP	Tahap
		STS	TS	TP	S	SS			
C1	Mengamalkan komunikasi dua hala dalam PdPC	0 (0%)	1 (0.91%)	1 (0.91%)	70 (63.64%)	38 (34.55%)	4.32	0.541	Tinggi
C2	Sentiasa berkolaboratif dengan baik	0 (0%)	1 (0.91%)	8 (7.27%)	74 (67.27%)	27 (24.55%)	4.15	0.578	Tinggi
C3	Berfikiran kreatif dalam melaksanakan tugas yang diberi	0 (0%)	1 (0.91%)	20 (18.18%)	70 (63.64%)	19 (17.27%)	3.97	0.627	Sederhana Tinggi

C4	Mempunyai fikiran kritis dalam menyampaikan idea	0 (0%)	0 (0%)	23 (20.91%)	70 (63.64%)	17 (15.45%)	3.95	0.603	Sederhana Tinggi
C5	Mengamalkan nilai-nilai murni di dalam dan luar bilik darjah	0 (0%)	0 (0%)	5 (4.55%)	54 (49.09%)	51 (46.36%)	4.42	0.581	Tinggi
Keseluruhan							4.162	0.586	

Keseluruhan: 4.162 STS: sangat tidak setuju, TS: tidak setuju, TP: tidak pasti, S: setuju, SS : sangat setuju

Cabaran Penerapan Elemen 4K1N

Berdasarkan Jadual 7 pula, ia terdiri daripada 2 cabaran iaitu cabaran sebagai guru dan cabaran kepada murid dalam menerapkan elemen 4K1N dalam PdPC. Item D5 “Guru kurang mengamalkan nilai-nilai murni di dalam dan luar bilik darjah” skor min paling rendah, 1.66. Item D1, “Kemahiran komunikasi guru yang kurang berkesan”, Item D2 “Guru tidak menguasai pedagogi PAK21, D3 “Guru tidak mempunyai kemahiran ICT dalam PdPC” mencatatkan skor min yang hampir sama iaitu 2.19 , 2.10 dan 2.13 sederhana rendah. Item D4, “Guru kurang mempelbagaikan sumber pengajaran disebabkan untuk mengejar silibus pengajaran ” mencatatkan skor min yang sederhana tinggi iaitu 3.14.

Berdasarkan cabaran kepada murid pula boleh dilihat pada item D6-D10. Item D10 “Murid mempunyai latar belakang yang berbeza” menunjukkan interpretasi min yang paling rendah iaitu 2.78 pada tahap sederhana. Item D7 “Murid tidak dapat berkolaborasi dengan baik kerana keadaan fizikal kelas yang sempit” berada pada cabaran yang kedua yang dihadapi oleh guru iaitu 2.81 pada tahap sederhana rendah. Item D6 “Murid kurang berkeyakinan berkomunikasi bersama guru kerana tahap penguasaan pelbagai” menunjukkan interpretasi min 2.95 sederhana rendah. Manakala Item D8 dan D9 “Murid tidak berfikiran kreatif dalam melaksanakan tugas yang diberi dan Murid tidak mempunyai daya saing menyampaikan idea kritis dalam setiap perbincangan” dengan bacaan min yang hampir sama 3.03 dan 3.02 berada pada tahap sederhana tinggi. Jika dilihat kesemua item tersebut. Cabaran kepada murid agak tinggi kerana murid-murid mempunyai latar belakang yang berbeza di samping tahap kecerdasan yang pelbagai untuk diterapkan.

Jadual 7: Taburan min, sisihan piawai dan interpretasi min Cabaran Penerapan Elemen 4K1N

Bil	Item	Kekerapan					Min	SP	Tahap
		STS	TS	TP	S	SS			
D1	Kemahiran komunikasi guru yang kurang berkesan	23 (20.91)	54 (49.09)	23 (20.91)	9 (8.18)	1 (0.91)	2.19	0.893	Sederhana Rendah

D2	Guru tidak menguasai pedagogi PAK21	18 (16.36)	72 (65.45)	11 (10)	9 (8.18)	0 (0%)	2.10	0.766	Sederhana Rendah
D3	Guru tidak mempunyai kemahiran ICT dalam PdPC	22 (20)	63 (57.27)	17 (15.45)	5 (4.55)	3 (2.73)	2.13	0.879	Sederhana Rendah
D4	Guru kurang mempelbagaikan sumber pengajaran disebabkan untuk mengejar silibus pengajaran	6 (5.45)	32 (29.09)	22 (20)	41 (37.27)	9 (8.18)	3.14	1.096	Sederhana Tinggi
D5	Guru kurang mengamalkan nilai-nilai murni di dalam dan luar bilik darjah	50 (45.45)	51 (46.46)	5 (4.55)	4 (3.64)	0 (0)	1.66	0.733	Rendah
D6	Murid kurang berkeyakinan berkomunikasi bersama guru kerana tahap penguasaan pelbagai	7 (6.36)	33 (30)	33 (30)	32 (29.09)	5 (4.54)	2.95	1.017	Sederhana Rendah
D7	Murid tidak dapat berkolaborasi dengan baik kerana keadaan fizikal kelas yang sempit	3 (2.73)	46 (41.82)	34 (30.91)	23 (20.91)	4 (3.64)	2.81	0.924	Sederhana Rendah
D8	Murid tidak berfikiran kreatif dalam melaksanakan tugas yang diberi	4 (3.64)	31 (28.18)	35 (31.82)	38 (34.55)	2 (1.82)	3.03	0.923	Sederhana Tinggi
D9	Murid tidak mempunyai daya saing menyampaikan idea kritis dalam setiap perbincangan	3 (2.73)	34 (30.91)	33 (30)	38 (34.55)	2 (1.82)	3.02	0.919	Sederhana Tinggi

D10	Murid tidak mempunyai latar belakang yang berbeza untuk mengamalkan nilai-nilai murni	5 (4.55)	46 (41.82)	31 (28.18)	24 (21.82)	4 (3.64)	2.78	0.961	Sederhana Rendah
-----	---	-------------	---------------	---------------	---------------	-------------	------	-------	------------------

Keseluruhan 2.581 0.911

Keseluruhan : 2.581 STS: sangat tidak setuju, TS: tidak setuju, TP: tidak pasti, S: setuju, SS : sangat setuju

Dapatan kajian menunjukkan, objektif kajian nombor satu hingga tiga akan menjawab mengenai (i) *Penerapan* elemen 4K1N dalam pengajaran dan pembelajaran (ii) *Keberkesanan* penerapan elemen 4K1N dalam pengajaran dan pembelajaran dan (iii) *Cabaran* penerapan elemen 4K1N dalam pengajaran dan pembelajaran kepada Guru Pendidikan Islam di sekolah TS25 di Daerah Kuantan.

Analisis kajian dalam Jadual 8, menunjukkan dua pemboleh ubah berada pada tahap tinggi iaitu Penerapan , Min: 4.090, S.P:0.594 , Keberkesanan dengan Min: 4.162, S.P:0.586 . Manakala pemboleh ubah yang berada pada rendah iaitu Cabaran Guru dan murid Min: 2.581, SP: 0.911 berada pada Sederhana Rendah.

Jadual 8 Taburan min, sisihan piawai dan interpretasi min

Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Keberkesanan	4.090	0.594	Tinggi
Penerapan	4.162	0.586	Tinggi
Cabaran kepada guru dan murid	2.581	0.911	Sederhana Rendah

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM 2013-2025) merupakan salah satu usaha bagi menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Penerapan nilai perlu diterapkan melalui sesi PdP dalam mencorakkan generasi yang seimbang dalam mendepani cabaran masa kini Hampir kesemua GPI di sekolah TS25 berpendapat bahawa penerapan elemen 4K1N dalam sesi PdPC amat penting bagi dalam menjadikan murid yang berdaya saing dalam setiap perkara. Dengan menjadikan elemen komunikasi kolaboratif, kreatif, kritis dan nilai sebagai keutamaan dalam PdPC akan melahirkan murid-murid yang proaktif dalam mengharungi arus globalisasi pada masa kini. Pendekatan elemen tersebut harus seiring supaya dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang bukan sahaja bijak , tetapi mempunyai jati diri yang cemerlang.

Dalam kajian ini , GPI seharusnya memainkan peranan yang lebih proaktif supaya murid-murid dapat diasuh dengan roh Islam yang kuat. GPI di sekolah TS25 khususnya rata-rata merupakan Guru Cekap dan Guru Berkesan yang mempunyai aspirasi dan hasrat yang sama dengan kehendak KPM dalam memperkasakan mutu pendidikan di Malaysia. Namun untuk menggapai hasrat itu, GPI perlu menguasai elemen tersebut supaya dapat diterapkan serta

bersesuaian dengan topik pembelajaran pada waktu tersebut dengan membuat perancangan pengajaran yang rapi bagi memastikan nilai dan objektif pada hari tersebut dapat dicapai . Sebelum memulakan PdP guru perlu membuat perancangan pengajaran dengan teliti dalam menerapkan elemen nilai yang bersesuaian dengan topik aktiviti PdP pada hari tersebut dalam memastikan proses penerapan nilai berjalan dengan lancar dan berkesan.

Selain daripada itu, kajian mendapati melalui sesi pengajaran GPI perlu mengaplikasikan teknik PAK21 sebagai kaedah dan juga amalan dalam penghayatan nilai dan pembentukan etika pelajar. PAK21 mengandungi aktiviti perbincangan, berkumpulan, soal jawab, bermain yang dapat menghasilkan nilai-nilai murni yang positif di samping merangsang kognitif pelajar dalam berfikir. Ini disokong oleh Kajian Noor Lela Ahmad (2008) yang menyatakan bahawa kaedah perbincangan dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar seperti berkeyakinan, berani dalam menyatakan pendapat dan juga semangat kerjasama. Melalui kaedah perbincangan ia akan memberi kesan positif kepada pelajar. Penerapan nilai dapat dilakukan melalui kaedah perbincangan dalam menghasilkan nilai-nilai positif kepada pelajar. Dengan ini jelaslah bahawa elemen 4K1N seharusnya menjadi budaya dalam diri setiap pendidik.

Selain itu juga ,kajian ini mendapati kurangnya motivasi disebabkan pengetahuan dan gaya pembelajaran yang berbeza dengan rakan sekelas menyebabkan pelajar berasa malu untuk terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Perasaan malu menjadi salah satu penghalang kepada keberkesanan pembelajaran dan interaksi pelajar dalam bilik darjah. Ini merupakan cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam memastikan semua pelajar terlibat dalam aktiviti yang dijalankan dan berpeluang memberi pandangan dan idea mereka.

Selain itu, penghargaan kepada pelajar sebagai bentuk penegasan yang menggalakkan pembentukan tingkah laku positif dalam menerapkan elemen nilai murni di samping meningkatkan motivasi pelajar dalam kelas. Lawler (1985) menyatakan bahawa ganjaran dalam bentuk sedar mahupun tidak seperti penghargaan atau pujian perlu diberi bagi memupuk tingkah laku yang positif.

Di dalam memperkasa Program TS25, Modul 3: Menerajui Pembelajaran melalui pembelajaran bermakna menjadi asas dan dasar kepada kaedah dan pedagogi PAK21 sebagai pendekatan yang membantu dalam menerapkan elemen 4K1N dalam PdPC. Ia menjadi cabaran bagi GPI dalam penerapan elemen tersebut melalui aktiviti pembelajaran. Cabaran dari aspek kesediaan infrastruktur dan fasiliti seperti ruang kelas yang terhad dan capaian internet yang tidak stabil di sekolah telah mengganggu proses PdP dan pelaksanaan penerapan nilai yang telah dirancang. Kemudahan infrastruktur, penyediaan BBM, sumber rujukan tambahan, penggunaan teknologi dan capaian internet merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh guru dari aspek persediaan dalam melaksanakan PAK21.

Penguasaan teknologi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam merupakan cabaran dalam keberkesanan elemen 4K1N dan kesannya guru akan menggunakan kaedah yang sama dalam sesi PdPC mereka. Guru Pendidikan Islam kurang dalam mengaplikasikan kemudahan teknologi dalam PdP dan mereka lebih memilih kaedah syarahan

Secara keseluruhan, penerapan nilai penting untuk diterapkan kepada pelajar sejak mereka kecil lagi dalam membentuk sahsiah dan akhlak pelajar. GPI menggunakan beberapa kaedah dan pendekatan yang bersesuaian dengan pendidikan abad ke-21 dalam usaha menerapkan elemen nilai murni dan etika kepada pelajar. Selain itu, pendidik juga tidak lari

dari masalah dan mereka juga berdepan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi dalam usaha mendidik dan membentuk generasi berwawasan dan juga bertamadun dari aspek sahsiah dan akhlak.

KESIMPULAN

Program Transformasi Sekolah (TS25) merupakan Program KPM yang dilaksanakan secara berperingkat di sekolah-sekolah yang terpilih. TS25 merupakan transformasi sekolah yang bertujuan bagi mengaplikasi konsep dan amalan PdP terbaik, Hasil dapatan jelas menunjukkan, kaedah pembelajaran abad ke-21 merupakan kaedah yang lebih mesra guru dan murid selain dapat membantu GPI khususnya dalam bersama-sama memacu pendidikan di Malaysia agar lebih berdaya saing. Penerapan elemen 4K1N melalui proses PdPC secara tidak langsung merubah landskap pendidikan Malaysia di mata dunia. Walau bagaimanapun, untuk melahirkan murid yang berkualiti perlu ada usaha yang berterusan dan sokongan daripada semua pihak. Ia bukanlah sesuatu yang mudah namun ianya tidak mustahil untuk dilakukan.

Oleh itu, untuk membentuk kemenjadian murid sering dengan akhlak yang cemerlang di samping dapat membendung masalah sosial dalam kalangan pelajar, pelaksanaan penerapan 4K1N perlu diperkasa sejak dibangku sekolah rendah bagi memupuk pemahaman dan penghayatan sejak mereka kecil agar apabila mereka menginjak usia remaja mereka dapat membezakan samaada sesuatu perkara itu baik atau buruk untuk dilakukan. Selain itu, diharapkan juga hasil kajian ini dapat membantu para pendidik menilai dan meningkatkan tahap pelaksanaan penerapan elemen 4K1N di samping memberi input kepada masyarakat akan cabaran yang dihadapi para GPI khususnya dan kepada guru amnya dalam membentuk pelajar yang memenuhi falsafah pendidikan negara dari aspek Jasmani , emosi rohani , intelektual dan sosial. (JERIS).

RUJUKAN

- Azhar Harun, Abdul Ghani Sani, Indra Shahril Sayuati & Kasmah Abdullah. 2020. Kesediaan amalan kepimpinan guru di sebuah sekolah rendah di bawah program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Zon Sabah. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*. 31 (1), 1-24.
- Deweese, S. (1999). *Improving Rural School Facilities For Teaching And Learning*. (ERIC Digest).
- Charleston, WV. 1975. *ERIC Clearinghouse on Rural Education and Small Schools*. (ERIC Document Reproduction Service No. ED438153).
- Fraser, B.J. (1998). Classroom Environment Instruments: Development, Validity And Applications. *Learning Environment Research* 1: 7-33
- Hussein Mahmood. 2008. *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katzenmeyer, M., & Moller, G. 2001. *Awakening the Sleeping Giant: Leadership Development for Teachers*. 2nd Edition. Thousand Oaks, CA: Corwin Press, Inc.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Leithwood, K., & Jantzi, D. 2000. Principal and teacher leadership effects: A replication. *Leadership and Management*, 20(4): 415-434.
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman & Khairul Anuar Bahrin. 2019. Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPG Darul Aman*, 26 (1), 13-24.
- Nik Safiah Abdul Karim. 1963. *Kajian Kebudayaan Melayu*. Kelantan: Pustaka Dian Press
- Noraziyannah Md Jais & Aida Hanim A. Hamid. 2019. Amalan kepimpinan multidimensi guru besar dan hubungannya dengan komitmen guru program transformasi sekolah 2025 (TS25). *International Journal of Modern Education*, 1 (2), 13-26.
- Olson, S. L., & Kellum, S. (2003). *The Impact of Sustainable Buildings on Educational Achievements In K-12 Schools*.
- Ruzita Selamat, Ungku Norulakmar Ungku Ahmad, Dr. Noor Zainab Abd Razzak, Lokam Ali, Azian Abd Aziz, Fauziah Sheikh Ahmad, & Aminah Ahmad Khalid (2004). *Kajian ke Atas Persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran Fakulti Pendidikan Sumber Manusia: Ke Arah Pembentukan Persekitaran Yang Optimum Dalam Mencapai Kecemerlangan Pengajaran Dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Tessmer, M. & Harris, D. (1992). *Analysing The Instructional Setting*. New York: Kogan Page.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1985). *Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinmann Asia.
- Shariffah Sebran Jamila Syed Imam, Mohameed Sani Ibrahim, Mohd Izham Hamzah & Hairuddin Mohd Ali. 2013. Tret Personaliti Pengetua Dan Guru Besar Novis di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kali Ke-IV Majlis Dekan Pendidikan IPTA*, 20-31 UIAM. Kuala Lumpur.
- Siti Khadijah Mohd Kamal & Mohd. Isa Hamzah. Penerapan Elemen Nilai Murni Dan Etika Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *Advance Research in Islamic Studies and Educations (ARISE)* , 1 (4), 16-31.